



18 Januari 2021

## Pusat Servis dan Pengedar Volkswagen di Seluruh Negera Kekal Beroperasi

- Bilik pameran dan jualan beroperasi seperti biasa
- Perkhidmatan selepas jualan kekal beroperasi dengan amalan SOP yang ketat
- Para pelanggan dijemput untuk melayari eShowroom untuk mendapatkan tawarkan dalam talian yang eksklusif

**KUALA LUMPUR** – Berikutan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri mengenai pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Volkswagen Passenger Cars Malaysia mengesahkan bahawa semua pengedar sah dan pusat servis Volkswagen di seluruh negara kekal beroperasi.

Ketenangan minda pelanggan menjadi keutamaan, justeru Volkswagen akan memastikan tahap kebersihan yang ketat dilaksanakan di semua pengedarnya. Ini termasuklah sanitasi di premis dan kenderaan, pemeriksaan keselamatan yang teratur, daftar masuk aplikasi MySejahtera serta pemeriksaan suhu.

Bagi memberi kemudahan kepada mereka yang lebih gemar berada di rumah, Volkswagen eShowroom dibuka 24 jam. Ia menawarkan penjimatan dalam talian yang eksklusif bersama rebat Tahun Baru Cina. Perkhidmatan penghantaran ke rumah dalam radius 20km dari pengedar yang pelanggan pilih adalah percuma.

Bagi pemilik kenderaan, semua pusat servis Volkswagen di seluruh negara mematuhi garis panduan inisiatif 'Safe Hands' yang ketat. Ini merangkumi penerimaan kenderaan tanpa sentuhan, taklimat video, sanitasi sebelum dan selepas servis, bayaran tanpa tunai menerusi e-invois serta pengambilan kenderaan tanpa sentuhan. Para pemilik dinasihatkan supaya menempah slot servis mereka secara [dalam talian](#).

Perkhidmatan Bantuan Tepi Jalan terus beroperasi. Jika ada kecemasan, hubungi sahaja talian bebas tol 1800-88-2389. Pasukan Volkswagen Customer Care juga boleh dihubungi di talian bebas tol 1-800-18-8947 atau menerusi mesej langsung di saluran media sosial Volkswagen.

Volkswagen akan terus bersama-sama dengan seluruh rakyat Malaysia dalam tempoh mencabar ini dan meminta orang ramai berada di dalam

### Press contact

Dawn Ling  
Manager, VPCM  
Tel: 012-474 3007  
E: [dawn.ling@vw.com.my](mailto:dawn.ling@vw.com.my)

Yani Fadzil  
Senior Manager, VPCM  
Tel: 012-212 8977  
E: [yani.fadzil@vw.com.my](mailto:yani.fadzil@vw.com.my)



More under  
[www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)  
[www.volkswagen-newsroom.com](http://www.volkswagen-newsroom.com)

# Media Information



rumah, di samping memainkan peranan masing-masing dalam menghalang penyebaran virus COVID-19.

Maklumat lanjut, sila layari laman web: [www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)

---

Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) is the official distributor of Volkswagen cars in Malaysia. With long-term business aspirations in the region VPCM's primary focus is on sales strategies through future products, strengthening the Volkswagen dealer network and service and parts availability. VPCM is managed by European automotive retail specialist, Porsche Holding Salzburg, is one of the largest and most successful automotive distributors in Europe. The Salzburg-based company was founded in 1947 and operates today in 26 markets in Western- and South-eastern Europe, China, and in Colombia and Chile in South America.

---